

PRODUCT DISCLOSURE SHEET (PDS): FIDELITY INSURANCE

(Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up this Product. Be sure to also read the general terms and conditions of this Policy).

1. What is this product about?

This policy indemnifies you as an employer against any direct loss of pecuniary that you may sustain through act(s) of dishonesty by your employees such as act(s) of forgery, embezzlement, larceny or fraudulent conversion. The coverage is not limited to loss or money but also covers loss of real property and stock-in-trade belonging to you.

2. What are the covers/benefits provided?

This policy covers your pecuniary loss or goods belonging to you due to the act of fraud or dishonesty committed by your employees:

- during the Period of Insurance
- during the uninterrupted continuance of employment of such employee
- in connection with the occupation and duties of such employees; and
- discovered during the aforesaid Period of Insurance or within 6 months thereafter or within 6 month after the death, dismissal or retirement of such employee whichever shall happen first.

Duration of cover is **one (1) year**. You need to renew your insurance cover **annually**.

3. How much premium do I have to pay?

The total premium that you have to pay may vary depending on the Guarantee Amount and our underwriting requirements.

Guarantee amount : RM _____
 Rate Applicable : _____ %
 No. of employees insured : _____
 Rate Per Capita : RM _____

The estimated total premium that you have to pay is: RM _____

4. What are the fees and charges that I have to pay?

Service Tax : 8%
 Stamp Duty : RM 10.00
 Commissions paid to the insurance intermediaries (if any) : 25% of premium

5. Can I cancel my policy?

You may cancel your policy at any time by giving written notice to us. Upon cancellation, we will return any proportionate part of the premium in respect of the unexpired period of insurance provided no claims have been made subject to the minimum premium to be retained by us.

6. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

A. Importance of Disclosure (Statement Pursuant to Schedule 9 of the Financial Services Act 2013)

- Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if you are applying for this Insurance wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession, you have a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this insurance). You must answer the questions fully and accurately.
- Failure to take reasonable care in answering the questions may result in avoidance of your contract of insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of insurance.
- The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of insurance is entered into, varied or renewed with us.
- In addition to answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this insurance), you are required to disclose any other matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied.
- You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of insurance has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this insurance) is inaccurate or has changed.
- You must take reasonable care to provide us with all the answers and not to make misrepresentation. If you misrepresented any facts to us before the policy was entered into, we may: -
 - declare your policy void from inception (which means treating it as invalid), we may not make any return of premium and also recover any unpaid premium;
 - cancel this policy and return any premium less our cancellation charge or recover any unpaid premium;
 - recover any shortfall in premium;
 - not pay any claim that has been or will be made under the policy;
 - be entitled to recover from you the total amount of any claim already paid under the policy or any claim we have to pay under any relevant legislation, plus any recovery costs.

B. Premium Warranty

This insurance is subjected to 60 days Premium Warranty, i.e. premium due must be paid and received by insurer within sixty (60) days from inception. Failing which, policy is automatically cancelled and 60 days' pro rate premium shall be entitled to insurer.

C. Limit of Liability

You must ensure the limit of liability which you are insured is adequate.

D. Policy Issuance

The Policy Schedule will be delivered to you within 30 working days from the date of your application approved.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to policy documents for full details.

7. What are the major exclusions under this policy?

This policy does not cover:

- any indirect or consequential loss
- any third party losses
- extortion
- any loss sustained prior to policy inception or discovered prior to policy inception or discovered subsequent to the termination of the policy period including the discovery period
- stock taking or inventory losses
- losses arising from ionizing radiations or contamination by radioactivity from any nuclear fuel, nuclear waste or any nuclear weapons material
- losses caused by any act of terrorism

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to policy documents for full details.

8. What do I need to do if there are changes to my contact/personal details?

It is important that you inform us of any changes in your contact details to ensure all correspondence reaches you in a timely manner.

9. Where can I get further information?

Should you require additional information about Fidelity Guarantee Insurance, please refer to our Customer Relationship Centre or visit our website at insurance.rhbgroup.com.

If you have any enquiries, please contact us at:

RHB INSURANCE CUSTOMER RELATIONSHIP CENTRE.

Level 1, Tower Three, RHB Centre, Jalan Tun Razak,

50400 Kuala Lumpur

Tel: 1300 22 0007/ Fax: 603-21637277

E-mail: rhbi.general@rhbgroup.com WhatsApp: 012-603 1978

IMPORTANT NOTE:

You must ensure that your amount insured is adequate. You should read and understand the insurance policy and discuss with the agent or contact us directly for more information.

Member of PIDM

The benefit(s) payable under eligible certificate/policy/product is(are) protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact RHB Insurance Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK (PDS): INSURANS JAMINAN SETIA

(Baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menggunakan Produk ini. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am Polisi ini).

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menanggung rugi anda sebagai seorang majikan daripada mana-mana kerugian kewangan yang langsung akibat kelakuan pekerja-pekerja yang pecah amanah, seperti kejadian pemalsuan, penggelapan wang, larseni atau penukaran fraud. Perlindungan ini tidak terhad kepada kerugian wang tetapi juga melindungi kerugian harta sebenar dan stok perniagaan anda.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi kerugian kewangan atau barangan kepunyaan anda yang disebabkan oleh perbuatan fraud atau ketidakjujuran yang dilakukan oleh pekerja-pekerja anda:

- Sepanjang Tempoh Insurans
- Sepanjang penggajian yang berterusan tanpa berhenti bagi pekerja tersebut
- Berkaitan dengan pekerjaan dan tugas bagi pekerja tersebut; dan
- Diketahui sepanjang Tempoh Insurans seperti dinyatakan atau dalam masa 6 bulan selepas itu atau dalam masa 6 bulan selepas kematian, pembuangan atau persaraan bagi pekerja tersebut, bergantung kepada yang mana berlaku terlebih dahulu

Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah bergantung kepada Amaun Jaminan dan keperluan pengunderaitan pihak kami.

Amaun Jaminan : RM _____
Kadar dikenakan : _____ %
Bilangan pekerja yang diinsuranskan : _____
Kadar per kapita : RM _____

Jumlah anggaran premium yang anda perlu bayar : RM _____

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Cukai Perkhidmatan : 8%
Duti Setem : RM 10.00
Komisen yang dibayar kepada ejen insurans (jika ada) : 25% daripada premium

5. Bolehkah saya membatalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, kami akan memulangkan mana-mana bahagian premium yang berkadar berkenaan dengan tempoh insurans yang belum tamat dengan syarat tiada tuntutan dibuat tertakluk kepada premium minimum yang akan kami simpan.

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang saya perlu tahu?

A. Kepentingan Pendedahan (Penyata Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013)

- Menurut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyata dalam menjawab soalan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon insurans ini). Anda mesti menjawab soalan dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan boleh menyebabkan kontrak insurans anda dielakkan, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan di atas akan berterusan sehingga masa kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Di samping menjawab soalan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon insurans ini), anda dikehendaki mendedahkan sebarang perkara lain yang anda tahu berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang perlu digunakan.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan segera jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda telah dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami mana-mana maklumat yang diberikan dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon insurans ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.
- Anda mesti mengambil perhatian yang munasabah untuk memberikan kami semua jawapan dan tidak membuat salah nyata. Jika anda salah nyatakan mana-mana fakta kepada kami sebelum polisi dimeterai, kami boleh: -
 - o mengisytiharkan polisi anda terbatal dari permulaan (yang bermaksud menganggapnya sebagai tidak sah), kami tidak boleh membuat sebarang pulangan premium dan juga mendapatkan semula sebarang premium yang tidak dibayar;
 - o batalkan polisi ini dan pulangkan sebarang premium ditolak caj pembatalan kami atau dapatkan semula sebarang premium yang belum dibayar;
 - o mendapatkan semula sebarang kekurangan dalam premium;
 - o tidak membayar sebarang tuntutan yang telah atau akan dibuat di bawah polisi;
 - o berhak untuk mendapatkan semula daripada anda jumlah amaun sebarang tuntutan yang telah dibayar di bawah polisi atau sebarang tuntutan yang perlu kami bayar di bawah mana-mana perundangan yang berkaitan, serta sebarang kos pemulihan.

B. Waranti Premium

Insurans ini tertakluk kepada 60 hari Waranti Premium, iaitu premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh syarikat insurans dalam tempoh enam puluh (60) hari dari permulaan. Jika gagal, polisi akan dibatalkan secara automatik dan premium kadar pro 60 hari berhak kepada syarikat insurans.

C. Had Liabiliti

Anda mesti memastikan had liabiliti diinsuranskan adalah mencukupi.

D. Terbitan Polisi

Polisi akan dihantar kepada anda dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh permohonan anda diluluskan.

7. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- sebarang kerugian tidak langsung atau kerugian turutan
- sebarang kerugian pihak ketiga
- pemerasan
- sebarang kerugian yang dialami sebelum tempoh insurans atau diketahui sebelum tempoh insurans atau diketahui selepas penamatan tempoh polisi termasuk tempoh ketahui
- pengambilan stok atau kerugian inventori
- kerugian yang timbul daripada sinaran pengionan atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear, sisa nuklear atau sebarang bahan senjata nuklear
- kerugian akibat sebarang tindakan keganasan

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk butiran penuh.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan/butir-butir peribadi?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam butir-butir hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang Insurans Jaminan Setia, sila rujuk Pusat Perhubungan Pelanggan kami atau layari laman web kami di insurance.rhbgroup.com.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

RHB INSURANCE CUSTOMER RELATIONSHIP CENTRE.

Level 1, Tower Three, RHB Centre, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur

Tel: 1300 22 0007/ Fax: 603-21637277

E-mail: rhbi.general@rhbgroupp.com WhatsApp: 012-603 1978

NOTA PENTING:

Anda hendaklah memastikan harta anda dilindungi dengan nilai yang berpatutan. Anda harus baca dan memahami kandungan polisi insurans dan berbincang dengan ejen anda atau hubungi kami untuk maklumat lanjut.

Ahli PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Risalah TIPS PIDM atau hubungi RHB Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).